

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,  
DATO HUSSEIN ONN, DI UPACARA  
PERBARISAN PERSATUAN BULAN SABIT  
MERAH MALAYSIA, DI PADANG KELAB  
SELANGOR, PADA HARI AHAD,  
18HB. MEI, 1980 - JAM 8.30 PAGI

Yang Berhormat, Menteri Kebajikan Am,  
Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani,  
Naib Yang di Pertua, Persatuan Bulan  
Sabit Merah Malaysia.

Yang Mulia, Tunku Tan Sri Mohamed bin Tunku  
Besar Burhanuddin,  
Pengerusi Persatuan Bulan Sabit Merah  
Malaysia.

Yang Berbahagia, Brig. Jen. Dato Abbas bin  
Abdul Manan, Pengerusi Jawatankuasa  
Perayaan Hari Palang Merah Sedunia.

Pegawai-pegawai dan Anggota Persatuan Bulan  
Sabit Merah Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Upacara Perbarisan pada pagi ini  
amatlah besar maknanya kepada kita semua, sebagai  
anggota Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia.

...2/-

## 2.

Di samping dapat merayakan Hari Palang Merah Sedunia, yang kebetulannya disambut pada 8hb. ini, Perbarisan ini memberi peluang kepada pegawai dan anggota Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, mengeratkan lagi silatur-rahim dan persefahaman sesama mereka. Saya mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana dapat menyertai dalam upacara yang meriah ini.

2. Perbarisan yang besar ini membuktikan keupayaan dan keutohan kita, serta semangat dan kecergasan kita. Dalam perbarisan ini, kita dapat buktikan semangat peri kemanusiaan yang

sentiasa wujud dan terpupuk di dalam jiwa-  
raga anggota-anggota Persatuan Bulan Sabit  
Merah. Pada hari ini juga, rakyat jelata dapat  
menyaksikan kegiatan-kegiatan yang telah kita  
jalankan selama ini. Dengan memahami peranan  
dan sumbangan kita, maka rakyat akan lebih  
bersimpati terhadap cabaran dan kesulitan yang  
kita hadapi, dalam menunaikan tanggungjawab  
dan kewajipan kita kepada masyarakat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

3. Sungguhpun Palang Merah atau  
Bulan Sabit Merah, sudah terkenal di seluruh

dunia, disebabkan oleh peranan dan kegiatannya, usaha-usaha yang lebih giat hendaklah terus dijalankan bagi mendekatkan diri kita kepada masyarakat setempat. Peranan Bulan Sabit Merah membantu mangsa-mangsa perang, bencana alam dan lain-lain malapetaka, memang sentiasa disanjung tinggi oleh masyarakat. Oleh kerana kegiatan-kegiatan yang dijalankannya adalah secara sukarela dan bersifat peri-kemanusiaan, pertubuhan dan persatuan ini sentiasa dapat menarik kerjasama dan sokongan semua pihak dan golongan,serta semua negara di dunia.

4. Palang Merah atau Persatuan Bulan Sabit Merah di Malaysia, telah ditubuhkan kira-kira 30 tahun yang lalu. Kemajuan yang telah dicapai serta kegiatan-kegiatan yang telah dijalankannya selama ini, sesungguhnya amat cemerlang. Rakyat sentiasa menghargai perkhidmatan dan peranan Persatuan ini. Perkhidmatan Persatuan di masa-masa peristiwa dan bencana seperti 13 Mei, 1969, banjir, kebakaran dan lain-lain lagi, adalah jasa bakti yang sentiasa dihargai oleh masyarakat terutamanya oleh mangsa-mangsa yang terlibat dan mereka yang telah menerima pertolongan atau bantuan.

5. Saya juga mengucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Persatuan ini, di atas peranannya mengendali dan mengelolakan bantuan kepada beribu-ribu pelarian Vietnam. Khidmat cemerlang, dan layanan yang sempurna, daripada pegawai dan anggota Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, di pusat-pusat dan kem-kem pendatang haram, telah mengharumkan lagi nama baik kita, di mata dunia. Mereka yang telah ditugaskan, telah benar-benar menunaikan tanggungjawab mereka dengan penuh semangat dedikasi dan kejujuran.

6. Saya sedar serta faham, bahawa hendak mengelola dan mengendalikan bantuan kepada begitu ramai manusia, dan dalam suasana keadaan yang tidak tenang pula, bukanlah suatu perkara yang mudah. Tetapi dengan ketabahan, dedikasi dan kejujuran kita, rancangan dan program ini telah dapat dilaksanakan dengan licin dan sempurna. Memanglah menjadi kewajipan kita, memberi pertolongan kepada golongan manusia yang menghadapi kesusahan. Tetapi pada hemat saya, dalam mengendalikan bantuan kepada pendatang-pendatang haram, kita telah menjalankan segala rupa usaha dalam keupayaan kita, memberi layanan yang baik kepada mereka ini.

7. Saya tidak syak lagi bahawa mereka telah menjalankan tanggungjawabnya dengan cekap. Pejabat Pesuruhjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi orang-orang Pelarian atau UNHCR, telah melahirkan penghargaannya di atas peranan yang cekap dan dedikasi Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, dalam membantu beribu-ribu orang yang kehilangan rumah tangga dan tempat kediaman. serta yang memerlukan pertolongan.

... 9/-

8. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terimakasih kepada Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang-orang Pelarian, dan lain-lain agensi antarabangsa, kerana membiayai perbelanjaan dan mengadakan pakar-pakar bagi membantu Persatuan Bulan Sabit Merah menjalankan tugasnya. Kepercayaan dan keyakinan yang telah diberikan kepada pemimpin, pegawai dan anggota Persatuan Bulan Sabit Malaysia, adalah satu penghormatan kepada negara kita.

... 10/-

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

9. Penghargaan UNHCR ini, sesungguhnya, adalah satu penghormatan yang amat besar kepada negara kita. Saya harap, ini akan menjadi satu perangsang yang kuat kepada seluruh anggota Persatuan ini. Saya juga menggesa, supaya Persatuan ini dapat terus menjaga nama baik ini, di samping memelihara imej negara. Mereka yang ditugaskan berkhidmat dalam program-program anjuran badan-badan antarabangsa, dan projek-projek yang melibatkan rakyat negara-negara asing, seperti dipusat dan kem pendatang haram, telah

dapat bergaul dalam suasana antarabangsa.

Dalam hal ini adalah perlu kita sentiasa mengekalkan tengkah-laku yang baik, dan budi-bahasa yang tinggi, yang menjadi peribadi bangsa kita.

10. Dalam menjalankan peranan dan melaksanakan tugas, anggota-anggota Persatuan hendaklah sentiasa berpegang tegoh kepada prinsip dan semangat Palang Merah Sedunia. Dalam mengendalikan bantuan dan pertolongan kepada mereka dalam kesusahan, anggota-anggota Persatuan hendaklah meletakkan kepentingan

dan keselamatan mangsa-mangsa di atas kepentingan peribadi serta keselamatan diri. Mereka tidak harus membeza-bezakan layanan dan bantuan kerana sebab-sebab berlainan kaum atau golongan, fahaman atau kepercayaan agama, dan seterusnya kerana pendirian politiknya. Matlamat utama kita ialah kearah mewujudkan persefahaman, keamanan dan kebahagiaan di kalangan semua umat manusia di dunia. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

11. Saya sukalah menggunakan peluang di upacara ini, untuk mengucapkan tahniah

kepada Pengerusi Persatuan Bulan Sabit Merah, Malaysia, Yang Mulia Tunku Tan Sri Mohamed, di atas penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat dari Universiti Malaya, kerana sumbangan dan jasa-jasanya dalam gerakan Bulan Sabit Merah dan lain-lain kegiatan. Ini merupakan satu penghormatan kepada Persatuan, yang boleh menjadi perangsang dan contoh kepada kita semua.

12. Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan upacara perbarisan ini. Saya mendo'akan setiap

pegawai dan anggota Persatuan ini selamat  
majujaya.

Terimakasih.



No Siri .....	482
No Penerimaan .....	95/81